

### Platform terbaik JKM dekati golongan sasar

**KUCHING 29 Mac** - Program Konvoi Kembara Kebajikan iMalaysia (KKiM) merupakan platform terbaik kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) untuk mendekati rakyat yang memerlukan bantuan di negara ini.

Menteri Kebajikan, Kesejahteraan Komuniti, Wanita, Keluarga dan Pembangunan Kanak-kanak negeri, Datuk Seri Fatimah Abdullah berkata, program itu selari dengan kehendak kerajaan seperti yang telah diperkenalkan dalam konsep Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) melibatkan pelbagai agensi kerajaan, badan bukan kerajaan (NGO) dan komuniti.

Beliau berkata, program yang disusun itu bertujuan memastikan penyampaian perkhidmatan kerajaan yang berteraskan kepada pembangunan masyarakat sampai kepada golongan sasar.

"KKiM merupakan program dwi tahunan peringkat nasional diperkenalkan mulai 2014 yang bersifat turun padang untuk mendekati rakyat di segenap kampung dan bandar.

"Saya percaya program ini akan menjadi asas kepada semua pemimpin di peringkat akar umbi dan tempatan bersama de-



FATIMAH ABDULLAH (empat dari kanan) menyempurnakan pelepasan konvoi Kembara Kebajikan iMalaysia 2018 peringkat negeri di Wisma Kebajikan, Jalan Sultan Tengah, Kuching, Sarawak, semalam. Hadir sama, Abang Shamshudin Abang Seruji (tiga dari kanan). - UTUSAN/MOHAMAD GUSTIE NOORAMIA

ngan masyarakat tanpa mengira kedudukan, agama dan bangsa untuk memberikan khidmat bakti kepada golongan memerlukan di bandar dan luar bandar," katanya berucap semasa Majlis Pelepasan KKiM 2018 yang disertai 76 suku-

relawan JKM Sarawak di Wisma Kebajikan di sini, hari ini.

Hadir sama, Pengarah Kebajikan Masyarakat Sarawak, Abang Shamshudin Abang Seruji.

Konvoi bermula di Kuching hari ini akan bergerak ke Sadong

Jaya, Sebuyau dan berakhir Pusa, Betong pada Sabtu ini. Majlis penutupan akan dilakukan oleh Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat merangkap Ahli Parlimen Batang Lupar, Datuk Seri Rohani Abdul Karim.